

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

7. Pada 2018, pecahan yang paling tinggi untuk eksport produk halal adalah makanan dan minuman berjumlah RM19.97 juta, bahan halal berjumlah RM14.53 juta.
- (a) Senaraikan syarikat yang terlibat, jenis produk yang dihasilkan, sumber bahan mentah dan pihak yang mengeluarkan sijil halal tersebut.
  - (b) Mengapakah kurang syarikat yang mengusahakan halal gel/gelatin halal yang amat diperlukan?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Data Nilai Ekspot Halal 2018 merupakan sistem data yang diuruskan oleh Malaysian External Trade Agency (MATRADE) dan Halal Industry Development Corporation (HDC).

Hasil data terkini yang diperolehi setakat 2018 , jumlah syarikat yang mengeksport produk Halal ialah sebanyak 1,827 syarikat. Daripada jumlah ini, operasi syarikat terbahagi kepada tiga kategori iaitu Multinasional (426 syarikat), Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (439 syarikat) dan Industri Kecil sejumlah 962 syarikat.

Kategori nilai produk yang dihasilkan adalah berdasarkan Kluster Halal iaitu :-

- (i) Food and Beverages: RM20.0 Billion
- (ii) Halal Ingredients : RM14.5 Billion
- (ii) Cosmetic & Personal Care : RM3.0 Billion
- (iv) Palm oil derivatives : RM1.8 Billion
- (v) Pharmaceutical : RM0.4 Billion
- (vi) Industrial Chemical : RM0.4 Billion

Pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil halal di Malaysia bagi produk-produk makanan dan minuman serta gunaan Halal ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Tiada maklumat sumber bahan mentah yang diperolehi daripada syarikat-syarikat tersebut. Adalah dimaklumkan bahawa informasi terperinci seperti senarai syarikat dan produk adalah sulit (*private and confidential*). Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau permohonan atas dasar keperluan industri atau perniagaan tertentu, pihak Halal Penang atau HDC boleh membantu.

- (b) Menurut Jabatan Veterinar, penghasilan gelatin mempunyai banyak kekangan terutama dari segi sumber bahan mentah dan ketika ini Malaysia mengimport gelatin halal dari Pakistan serta Bangladesh. Untuk menghasilkan gelatin, bilangan lembu yang banyak diperlukan untuk mendapatkan bekalan tulang dan kulitnya, namun Malaysia kekurangan sumber agro ternakan lembu hingga terpaksa mengimport dari luar. Oleh yang demikian, didapati kurang syarikat yang mengusahakan gelatin halal walaupun terdapat permintaan yang tinggi kepada produk ini.